



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***KEBUDAYAAN MASYARAKAT TAMIL MALAYSIA  
DALAM ANTOLOGI CERPEN RE.KARTHIGESU***

**PONNIAMAH M. MUNIANDY**

**FBMK 2016 75**



**KEBUDAYAAN MASYARAKAT TAMIL MALAYSIA  
DALAM ANTOLOGI CERPEN RE.KARTHIGESU**

Oleh

**PONNIAMAH M. MUNIANDY**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah**

**Mei 2016**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia ini adalah sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**KEBUDAYAAN MASYARAKAT TAMIL MALAYSIA  
DALAM ANTOLOGI CERPEN RE.KARTHIGESU**

Oleh

**PONNIAMAH M. MUNIANDY**

**Mei 2016**

**Pengerusi : Paramasivam Muthusamy, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini memfokuskan aspek kebudayaan masyarakat Tamil Malaysia dalam Antologi Cerpen Re. Karthigesu (ACRK). Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis budaya kebendaan dan bukan kebendaan dalam ACRK, menganalisis aspek kebudayaan masyarakat Tamil Malaysia yang dipaparkan dalam ACRK dan menjelaskan perubahan aspek kebudayaan masyarakat Tamil Malaysia dalam ACRK dengan menggunakan pendekatan tafsiran autoriti dan tafsiran harian Shamsul Amri Baharuddin, (1996) dan Teori Akulturasi yang dipelopori oleh Berry (1997) dijadikan sebagai landasan bagi kajian ini. Kajian kualitatif analisis deskriptif ini menggunakan kaedah analisis teks yang berinstrumenkan jadual senarai semak. 65 buah cerpen yang dihasilkan antara 1974 hingga 2011 daripada lima buah ACRK digunakan sebagai bahan kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa aspek kebudayaan dalam ACRK dapat dikategorikan kepada kebendaan dan bukan kebendaan. Aspek bukan kebendaan terdiri daripada komponen sistem normatif, sistem kepercayaan dan budaya ekspresif manakala aspek kebendaan terdiri daripada komponen budaya kebendaan. Analisis dapatan menunjukkan bahawa nilai hormat dan taat, tanggungjawab, kasih sayang dan personaliti dan status wanita merupakan nilai yang banyak diterapkan dalam ACRK. Penganalisan berdasarkan tafsiran autoriti dan tafsiran harian mendapati bahawa tafsiran autoriti mendominasi sistem normatif, mengalami proses intergrasi. Nilai masyarakat masih lagi dipertahankan berdasarkan nilai dan norma yang ditetapkan oleh tafsiran autoriti. Proses penolakan dalam sistem kepercayaan yang terdiri daripada unsur kebudayaan dan agama pula menyebabkan aspek agama sukar diubah dan diganti, walaupun terdapat pengaruh budaya asing. Namun, proses asimilasi yang mengambil tempat dalam komponen budaya ekspresif pula menunjukkan bahawa tafsiran harian mengatasi tafsiran autoriti dan wujud satu bentuk identiti baharu, khususnya dalam komponen bahasa serta personaliti dan kedudukan wanita. Hasil kajian juga menampakkan proses intergrasi menguasai budaya kebendaan yang masih dipegang dan didominasi oleh tafsiran autoriti yang ditetapkan, walaupun terdapat pengaruh budaya lain.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**MALAYSIAN TAMILS CULTURE  
IN RE. KARTHIGESU'S SHORT STORY ANTHOLOGIES**

By

**PONNIAMAH M. MUNIANDY**

**May 2016**

**Chairman : Paramasivam Muthusamy, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

This study focuses on Malaysian Tamils' culture in Re. Karthigesu's short stories anthologies (ACRK). The main objectives of this study are to identify types of material and non material culture in ACRK, analyse Malaysian Tamils' culture aspects found in ACRK and to explain the changes that have occurred in the culture aspects found in ACRK. Data were analysed descriptively using Acculturation Theory (Berry, 1997) and *everyday-defined* and *authority-defined* approach (Shamsul Amri Baharuddin, 1996). This is a qualitative study of textual analysis using checklist as an instrument. A total of 65 short stories written between 1974 and 2011 from five ACRK were chosen as research materials. The findings showed that culture aspects in ACRK can be categorized into non material and material aspects. Non material aspect includes components of normative system, belief system and expressive culture while material aspect consists of components of material culture. The findings also indicated that values like respect, obedience, responsibility, love, personality and the status of women are widely highlighted in ACRK. The analysis *based on everyday-defined* and *authority-defined* interpretation came to the conclusion that the *authority-defined* dominates the normative system and this component is undergoing a process of intergration in a society which still maintains the values and norms set by the authorities. The process of rejection of the belief system that consists of cultural and religious aspects are difficult to replace or change in the system despite influences of foreign culture. However, the process of assimilation that takes place in expressive culture component also shows that the *everyday-defined* overcomes the *authority-defined* and forms a new identity, especially in the language, personality and status of women aspects. Moreover, the integration process dominates the material culture component. Thus the integration process is clearly dominated by the *authority-defined* despite the other cultural influences.

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran yang amat sangat kepada Tuhan yang Maha Berkuasa lagi penyayang dalam mengurniakan kekuatan, kegigihan, kecekalan dan ketabahan kepada diri saya sehingga akhirnya berjaya menyempurnakan tugas tesis ini. Dengan kesempatan yang ada, tidak lupa juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama saya, Profesor Madya Dr. Paramasivam Muthusamy yang telah banyak mencurahkan usaha, kesungguhan dan komitmen demi membimbing, membantu, mendorong saya dan pada masa yang sama memberi teguran yang berhemah sehingga akhirnya segala cabaran serta rintangan yang mendatang berjaya saya hadapi dan selesaikannya.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada ahli jawatankuasa penyelia Profesor Madya Dr. Zaitul Azma binti Zainon Hamzah dan Profesor Madya Dr. Krishnan Maniam yang banyak mencurahkan ilmu dan menunjuk ajar dalam usaha menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Profesor Kannan Narayanan dari Fakulti Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia dan pensyarah-pensyarah Jabatan Pengajian India, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya yang sentiasa bersedia untuk membincang dan memberikan cadangan bernas dalam menghasilkan tesis ini.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada suami saya, En. Michael Thomas yang banyak memberi sokongan yang padu dan sentiasa memahami cabaran yang saya lalui. Tidak ketinggalan juga ahli keluarga yang tidak terputus-putus memberikan sokongan dan dorongan serta banyak bersabar dengan kerenah saya yang sering tidak dapat bersama mereka dalam majlis perjumpaan keluarga yang diadakan sepanjang sesi pengajian saya.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang teristimewa saya tujukan kepada kedua-dua rakan seperjuangan saya Dr. Malarvizhi Sinayah dan Dr. Thanalachime Perumal yang sanggup mengorbankan masa dan tenaga, berkongsi ilmu dan maklumat, memberi motivasi, sokongan dan menghulurkan segala bentuk bantuan yang diperlukan sepanjang sesi pengajian sehingga saya berjaya menyempurnakan tesis ini. Tidak lupa juga kepada En. Selvakumar Iyakanoo, suami Dr. Thanalachime Perumal yang sentiasa memberikan sokongan moral dan sangat mengambil berat akan kejayaan saya.

Saya juga ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada barisan pentadbir dan rakan sejawat saya di SMK Sri Kota, Taiping yang sangat memahami situasi, sentiasa memberikan motivasi dan membantu melaksanakan tugas-tugas bagi pihak saya semasa ketiadaan saya, sepanjang sesi pengajian yang saya ikuti.

Akhir kata saya juga ingin mengucapkan sekalung terima kasih kepada semua pihak sama ada secara langsung mahu pun tidak langsung telah membantu dalam menjayakan penghasilan tesis ini. Tidak ada kata-kata yang mampu mengungkapkan budi saya kepada semua yang tersebut.

## PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada **5 Mei 2016**. untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi **Ponnamah M. Muniandy** bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “**Kebudayaan Masyarakat Tamil Malaysia dalam Antologi Cerpen Re. Karthigesu**” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah **Doktor Falsafah**.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Che Ibrahim B. Salleh, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Normaliza binti Abd Rahim, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Rajantharan a/l Muniandy, PhD**

Profesor  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Malaya  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**NOR AINI AB. SHUKOR, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Paramasivam a/l Muthusamy, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Krishnan a/l Maniam, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Malaya  
(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



## Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Ponniamah a/p M. Muniandy, GS28237

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan : **Paramasivam a/l Muthusamy**

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan : **Zaitul Azma binti Zainon Hamzah**

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan : **Krishnan a/l Maniam**

## ISI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii
<b>PANDUAN SEBUTAN TULISAN TAMIL</b>	xiii

### **BAB**

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	Latar Belakang Kajian	1
	Sejarah Perkembangan Cerpen Tamil di Malaysia	2
	Pernyataan Masalah	5
	Persoalan Kajian	7
	Objektif Kajian	7
	Kepentingan Kajian	8
	Batasan Kajian	8
	Definisi Operasional	10
<b>2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	
	Kajian Berkaitan Budaya	11
	Ketamadunan dan Budaya	16
	Kajian Berkaitan Budaya Masyarakat Tamil	19
	Perkaitan antara Kajian lalu dengan Kajian ini	25
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
	Reka Bentuk Kajian	27
	Kerangka Teori	27
	Teori Akulturasi	28
	Pendekatan Tafsiran Autoriti dan Tafsiran Harian	30
	Kerangka Konseptual Kajian	33
	Prosedur Kajian	34
	Bahan Kajian	35
	Instrumen	35
	Kajian Rintis	36
	Penganalisan Data	36
<b>4</b>	<b>DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>	
	Pengenalan	38
	Aspek Kebudayaan Masyarakat Tamil Malaysia dalam ACRK	
	dari Aspek Bukan Kebendaan dan Kebendaan	38
	Aspek Bukan Kebendaan	39
	Sistem Normatif	39
	Sistem Kepercayaan	54
	Budaya Ekspresif	60
	Aspek Kebendaan	71
	Budaya Kebendaan	71

Aspek Kebudayaan Masyarakat Tamil Malaysia dalam ACRK	77
Aspek Bukan Kebendaan	77
Sistem Normatif	77
Institusi Keluarga	77
Institusi Agama	101
Adat Resam	104
Amalan	110
Sistem Kepercayaan	112
Kepercayaan kepada Tuhan	112
Budaya Ekspresif	117
Seni	117
Bahasa	119
Personaliti dan Status Wanita	121
Nama	131
Aspek Kebendaan	134
Pakaian	134
Barangan Kemas	137
Makanan	138
Perubahan Aspek Kebudayaan Masyarakat Tamil Malaysia dalam ACRK menggunakan Tafsiran Autoriti dan Tafsiran Harian	142
Aspek Bukan Kebendaan	142
Sistem Normatif	142
Institusi Keluarga	142
Institusi Agama	148
Adat Resam	150
Amalan	158
Sistem Kepercayaan	161
Kepercayaan kepada Tuhan	161
Budaya Ekspresif	167
Seni	167
Bahasa	168
Personaliti dan Status Wanita	170
Nama	174
Aspek Kebendaan	178
Budaya Kebendaan	178
Pakaian	178
Barangan Kemas	183
Makanan	185
Rasional Teori dan Dapatan Kajian	188
Implikasi Dapatan Kajian	189
<b>5 KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
Pengenalan	190
Kesimpulan	190
Cadangan Kajian Lanjutan	192
<b>BIBLIOGRAFI</b>	193
<b>LAMPIRAN</b>	216
<b>BIODATA PELAJAR</b>	278
<b>SENARAI PENERBITAN</b>	279

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
3.1	Pendekatan Tafsiran Autoriti dan Tafsiran Harian	32
4.1	Hormat dan Taat kepada Ahli Keluarga dalam ACRK	41
4.2	Kasih Sayang terhadap Ahli Keluarga dalam ACRK	42
4.3	Tanggungjawab terhadap Ahli Keluarga dalam ACRK	44
4.4	Mengekalkan Tradisi Keluarga dalam ACRK	46
4.5	Tempat Beribadat dalam ACRK	49
4.6	Sambutan Perayaan dalam ACRK	50
4.7	Jenis Perkahwinan dalam ACRK	51
4.8	Amalan dalam ACRK	53
4.9	Aspek Kepercayaan kepada Tuhan dalam ACRK	55
4.10	Dewa dan Kuil dalam ACRK	56
4.11	Upacara dan Perayaan Agama dalam ACRK	57
4.12	Lagu Pemujaan dalam ACRK	58
4.13	Amalan Menyembah dan Berdoa dalam ACRK	59
4.14	Penunaian Nazar dalam ACRK	60
4.15	Muzik dalam ACRK	61
4.16	Penukaran Kod dalam ACRK	62
4.17	Sifat Wanita dalam ACRK	63
4.18	Kebebasan Wanita dalam ACRK	64
4.19	Isteri Mithali dalam ACRK	66
4.20	Dominan Lelaki dalam ACRK	67
4.21	Sifat Bergantung Wanita dalam ACRK	67
4.22	Nama Lelaki dalam ACRK	68
4.23	Nama Wanita dalam ACRK	70
4.24	Pakaian Lelaki Tamil dalam ACRK	73
4.25	Pakaian Wanita Tamil dalam ACRK	74
4.26	Barangan Kemas dalam ACRK	75
4.27	Makanan Tradisional Tamil dalam ACRK	75
4.28	Makanan Kaum Lain dalam ACRK	76

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
3.1	Model Akulturasi Berry (1997)	30
3.2	Kerangka Konseptual Kajian	33
4.1	Aspek Kebudayaan dalam ACRK	38
4.2	Kerangka Analisis Komponen Sistem Normatif	40
4.3	Kerangka Analisis Komponen Sistem Kepercayaan	54
4.4	Kerangka Analisis Komponen Budaya Ekspresif	60
4.5	Kerangka Analisis Komponen Budaya Kebendaan	72



## SENARAI SINGKATAN

ACRK	Antologi Cerpen Re. Karthigesu
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
A	Antologi
C	Cerpen
B	Baris
ms	Muka surat



## PANDUAN SEBUTAN TULISAN TAMIL

Vokal			
Pendek		Panjang	
அ	a	ஆ	aa
இ	i	ஈ	ii
உ	u	ஊ	uu
எ	e	ஏ	ee
ஓ	o	ஔ	oo

Diftong	
ஐ	ai
ஔ	au

Konsonan					
Keras		Lembut		Sederhana	
க்	k	ங்	ng	ய்	y
ச்	c	ஞ்	ny	ர்	r
ட்	d	ண்	N	ல்	l
த்	t	ந்	n	வ்	v
ப்	p	ம்	m	ழ்	zh
ற்	R	ன்	n	ள்	L

Tulisan Grantha	
ஜ்	j
ஹ்	h
ஸ்	sh
ஷ்	sy
கஷ்	ksh
ஸ்ரீ	sri

Sumber: Radha Sellappan (2011)





© COPYRIGHT UPM

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### Latar Belakang Kajian

Sejarah penghijrahan masyarakat Tamil ke Malaysia dan perhubungan antara negara India dengan Malaysia yang dulu dikenali sebagai Tanah Melayu telah bermula sejak abad kedua sebelum Masihi. Pada mulanya pedagang dan pelayar dari India Selatan dan Kerala telah sampai ke Tanah Melayu (Janakey Raman, 2006). Selepas penjajahan British pada 1786 kaum India dibawa masuk ke Tanah Melayu sebagai tenaga buruh yang murah. Masyarakat India ini dilihat sebagai satu etnik yang dapat membantu meningkatkan kedudukan ekonomi penjajah. Di samping itu, penguasaan British di India dan Tanah Melayu memudahkan pihak British mengambil buruh dari India ke Tanah Melayu (Asmiaty Amat, 2000). Antara tahun 1870 hingga 1901 bilangan tenaga buruh kasar yang dibawa dari India telah meningkat kepada 120,000 orang. Pada abad ke-19, apabila permintaan untuk getah meningkat penjajah British mula membawa masuk lebih ramai tenaga buruh dan lebih daripada 90% pekerja India yang dibawa merupakan buruh Tamil dari India Selatan (Muzafar Desmond Tate, 2008). British memerlukan buruh seumpama ini untuk tujuan dasar ekonomi pertanian di Tanah Melayu dan orang Tamil didapati amat sesuai kerana British berpendapat orang Tamil adalah pasif, tidak memberontak dan mudah diurus (Anbalakan, 2008).

Penelitian komposisi kaum masyarakat India yang dibawa ke Tanah Melayu antara 1921 hingga 1957 didapati bahawa hampir 98 peratus orang India yang berjumlah 470,180 ribu adalah daripada kumpulan India Selatan, iaitu orang Tamil (387,506), orang Telugu (39,986) dan Malayalee (17,190) dan selebihnya dua peratus pula masyarakat India Utara (Arasaratnam, 1968). Pada 1957 sebanyak 6,34,681 buruh Tamil berhijrah ke Tanah Melayu. Tetapi hanya 27,670 daripada mereka ialah buruh Telugu manakala 72,971 buruh Malayalee yang menetap di Tanah Melayu (Janakey Raman, 2006). Pada asalnya penduduk India yang berhijrah ke Tanah Melayu telah membawa bersama adat resam, tradisi, kebudayaan, kesusasteraan, bahasa, kepercayaan, kesenian serta tradisi makanan dan pakaian mereka bersama-sama (Kumaran, 2011 & Murasu, 2007). Sejak menetap di Tanah Melayu, kesemua aspek budaya ini berkembang bersama mereka menerusi aktiviti yang seringkali diadakan di kawasan kediaman (Janakey Raman, 2006 & Kumaran, 2011).

Sama seperti buruh India, penjajah British turut membawa masuk buruh dari negara China untuk bekerja di lombong bijih timah. Justeru itu, masyarakat Tamil yang mula menetap di Tanah Melayu selepas abad ke-19, mula hidup dalam masyarakat majmuk yang terdiri daripada kaum Melayu dan juga Cina (Janakey Raman, 2006). Masyarakat Tamil yang berhijrah ke Tanah Melayu hidup dalam suasana yang berbeza dari tanah asal mereka. Situasi ini wujud kerana, Tanah Melayu telah diduduki oleh masyarakat Melayu dan juga Cina sebelum penghijrahan masyarakat Tamil.

## Sejarah Perkembangan Cerpen Tamil di Malaysia

Masyarakat Tamil yang telah tiba di Tanah Melayu sebagai buruh dan pedagang terdiri daripada artis, ahli ulama, sasterawan dan juga pencinta bahasa Tamil. Golongan ini yang telah menyumbang dalam perkembangan bahasa dan sastera Tamil di Tanah Melayu (<http://www.tamilwriters.net/index.php>). Mereka yang menetap di Tanah Melayu mula berusaha gigih memelihara dan mengekalkan bahasa dan agama. Asal-usul dan perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia merupakan salah satu kesan usaha gigih tersebut. Justeru itu, kesusasteraan Tamil Malaysia diungkapkan sebagai sastera yang telah lahir dalam suasana yang tragis. Masyarakat Tamil di ladang yang telah dipinggirkan daripada pengaruh luar telah berusaha untuk mengekalkan dan memelihara bahasa dan budaya. Usaha ini telah menjurus kepada aktiviti yang berunsur bahasa dan kesusasteraan (Sababathy, 2006). Dalam usaha ini mereka telah melibatkan diri dalam penerbitan buku di Tamil Nadu. Namun kebanyakan hasil karya penulisan pada masa tersebut berlatarbelakangkan negara India (Dhandayudham, 1972/73 & Sababathy, 2006).

Pada mulanya kesusasteraan Tamil Malaysia telah dianggap sebagai sebahagian daripada sastera India. Selepas negara India merdeka pada 1947, timbul perubahan pemikiran dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia tentang status mereka di India. Masyarakat Tamil yang suatu ketika dulu berasal dari India, mula berasa mereka berbeza daripada masyarakat asli Tamil di India. Ini menimbulkan dilema tentang idea pulang semula ke tanah air dalam kalangan mereka. Tetapi, kemerdekaan negara Malaysia, menamatkan konflik itu, yang telah berlangsung selama kira-kira sepuluh tahun. Ekoran perubahan pemikiran tersebut, wujud suasana untuk menetap di negara Malaysia. Lahir budaya dan tradisi yang selari dengan negara Malaysia dan kesusasteraan Tamil Malaysia yang unik merupakan salah satu daripada hasilnya. Pada awalnya komuniti minoriti Tamil yang menghuni kawasan bandar telah mula menerbitkan majalah dan buku. Tetapi majalah dan buku ini lebih mirip kepada hasil Tamil Nadu dan Sri Lanka (Sababathy, 2006).

Pada abad ke 20 pula, lahir akhbar dan majalah serta terbitan bersiri bahasa Tamil, yang merupakan pengasas kelahiran kesusasteraan Tamil di Malaysia. *Singai Varthamaani* yang dimulakan pada 1875 merupakan akhbar Tamil yang terawal. Pada masa tersebut, kebanyakan ruangan akhbar Tamil tempatan diisi dengan berita Tamil Nadu (Sababathy, 2006). Namun, lama-kelamaan kecenderungan ini berubah dan kini berita tempatan memenuhi hampir 99% ruangan akhbar. Tiga akhbar harian tempatan, iaitu *Tamil Nesan*, *Tamil Murasu*, dan *Tamil Malar* yang mengeluarkan isu hari Ahad khas untuk kemajuan kesusasteraan Tamil Malaysia, banyak menyumbang dalam perkembangan penulisan karya Tamil Malaysia (Dhandayudham, 1972/73 & Sababathy, 2006).

Namun, sejarah penulisan genre cerpen Tamil di Malaysia dimulakan oleh penghijrah dari Tamil Nadu dan Sri Lanka pada awal 1930-an. Antologi berjudul *Navarasa Kathamanjari- Ivai Iniya Karpitha Kathaihal* menduduki tempat pertama dalam senarai antologi yang dihasilkan. Pada masa tersebut, kebanyakan cerpen yang dihasilkan

berlatarkan suasana Sri Lanka dan Tamil Nadu. Cerpen Tamil yang berlatarkan suasana Malaysia hanya dapat dilihat selepas negara mencapai kemerdekaan (Sababathy, 2008).

Walau bagaimanapun, perkembangan cerpen bahasa Tamil bergantung, terutamanya pada siri majalah dan akhbar. Malah majalah bersiri *Singai Varthamaani* telah menggalakkan penulis menghasilkan cerpen. Penulis telah mula menghasilkan cerpen untuk memenuhi permintaan majalah dan juga pembaca tempatan. Tetapi pada 1940-an, aktiviti penulisan terbantut ekoran penjajahan tentera Jepun. Walau bagaimanapun, zaman ini merupakan zaman kelahiran cerpen Tamil. Penulis terawal cerpen Tamil Malaysia R. Halasyanathan telah banyak menyumbang dalam penulisan cerpen di bawah pengaruh pergerakan kesusasteraan yang bernama *MaNikkodi* dari Tamil Nadu. Rajappaa, Karu, A.Vira Na., dan A. Mu. Ci. merupakan beberapa orang penulis yang telah menghasilkan cerpen sewaktu penjajahan Jepun (Dhandayudham, 1972/73).

Jika dikaji, zaman pasca-penjajahan Jepun merupakan zaman kebangkitan bidang kesusasteraan di negara Malaysia kerana, ia mula memberikan kesedaran kepada masyarakat bahawa sastera adalah manifestasi budaya sesebuah masyarakat (Dhandayudham, 1972/73). Majalah *Chutantira India*, *Yuvabaratham* dan *Chuthanthirathayam* telah menerbitkan lebih daripada 50 buah cerpen (Sababathy, 2006). Penulis ini tidak mempunyai pendedahan tentang konsep bentuk sastera yang ingin dihasilkan. Situasi ini telah membuahkan permulaan *Rasanai Vakuppu* (ரசனை வகுப்பு) oleh akhbar *Tamil Murasu* dan Kelas Bercerita (கதை வகுப்பு - *Katai vakuppu*) oleh akhbar *Tamil Nesan* pada 1950. Permulaan kelas-kelas ini merupakan titik tolak dalam sejarah cerpen Tamil di Malaysia. Kelas ini telah berfungsi membentuk penulis yang bertaburan mengikut keperluan terkini. Kelas bercerita (கதை வகுப்பு- *Katai vakuppu*) telah dijalankan oleh S P. Narayanan dengan bantuan daripada Bairoji Narayanan. Selepas setahun penilaian telah dilaksanakan untuk menilai kemajuan penulis cerpen. Penulis yang berjaya dalam penilaian tersebut telah dibahagikan kepada lima kumpulan, iaitu Penulis Berkaliber (*மேதை எழுத்தாளர் - Meetai EzhutaaLar*), Penulis yang terbaik (*சிறந்த எழுத்தாளர் - Ciraṇṭa EzhutaaLar*), Penulis yang maju (*தேர்ந்த எழுத்தாளர் - Teerṇta EzhutaaLar*), penulis yang baik (*நல்ல எழுத்தாளர் - Nalla EzhutaaLar*) dan penulis yang berminat (*ஆர்வ எழுத்தாளர் - Aarva EzhutaaLar*). Setelah itu, kelas ini telah menarik minat ramai penulis yang mengikuti kelas ini termasuk penulis Re. Karthigesu. Malangnya kelas ini hanya bertahan selama lapan belas bulan (Dhandayudham, 1972/73).

Walaupun beberapa antologi cerpen telah diterbitkan, Antologi Loceng (*மணிக்கதைகள் - MaNikkataikaL*) yang diterbitkan oleh Kelab Bell Belia Tamil Malaysia pada 1966 merupakan antologi cerpen yang dianggap teramat penting kerana ramai penulis antologi ini menjadi terkenal selepas penerbitan itu. Seterusnya pada 1972 pula, Persatuan Penulis-penulis Negeri Kedah telah menerbitkan antologi berjudul Burung-burung kelaparan (*பட்டினிக் குருவிகள் - Pattinik KuruvikaL*). Terbitan ini merupakan antologi cerpen pertama yang diterbitkan oleh sebuah persatuan peringkat negeri (<http://www.tamilwriters.net/index>).

Sejak abad ke-20 kedua-dua akhbar *Tamil Murasu* dan *Tamil Nesan* telah memainkan peranan yang sungguh besar dalam perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia. Pertandingan Sajak (வெண்பா போட்டி- *Venba Pooddi*) oleh *Tamil Murasu* dan Pentas Sajak (கவியரங்கம் - *Kaviyaranggam*) oleh *Nesan* pada 1960, Hadiah Emas (பவுன் பரிசுத்திட்டம் - *Paun Parisu Tiddam*) dan Pertandingan Novel (குறுநாவல் போட்டி - *KuRunaaval Pooddi*) oleh *Nesan* pada 1970-an, Skim Pembiayaan Penulis Malaysia (மலேசிய எழுத்தாளர் அறநிதி - *Malaysia EzuththaaLar ARanithi*) dan Hari Penulis (எழுத்தாளர் தினம் - *EzhutaaLar Thinam*) pada 1980-an merupakan tapak perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia (Sababathy, 2006). Pertandingan Hadiah Emas (பவுன் பரிசு திட்டம் - *Pavun Paricu Tiddam*) telah memberikan dorongan yang hebat kepada perkembangan bidang penulisan cerpen. Pada 1974 dua belas cerpen yang memenangi hadiah ini telah diterbitkan dalam bentuk antologi yang bertajuk Cerita-cerita Hadiah Emas (பவுன் பரிசு கதைகள் -*Pavun Paricu KataikaL*) (<http://www.tamilwriters.net/index>). Kini akhbar *Tamil Nesan* keluaran hari Ahad lebih banyak memperuntukkan ruangan untuk teks berunsur sastera (Sababathy, 2006).

*Tamil Peeravai*, Universiti Malaya (PBTUM) merupakan pertubuhan yang paling berkesan dan berguna dalam perkembangan cerpen di Malaysia. Sejarah cerpen Tamil di Malaysia tidak akan menyeluruh jika tidak disebut tentang Antologi Cerpen பேரவைக் கதைகள் (*Peeravaik KataikaL*) yang diterbitkan oleh *Tamil Peeravai* Universiti Malaya. Jabatan Pengajian India Universiti Malaya telah ditubuhkan pada 1956. Selepas tiga tahun, iaitu pada 1959 *Tamil Peeravai* telah ditubuhkan. Pertubuhan ini telah menyumbang dalam perkembangan seni sastera dan pembangunan masyarakat. Pada 1970-an Thandaayutham telah mula berkhidmat sebagai pensyarah Sastera Moden di Jabatan Pengajian India Universiti Malaya. Hasil idea dan usaha beliau serta inisiatif Jabatan Pengajian India, pada 1985 telah dilancarkan satu pertandingan tahunan penulisan cerpen. Di bawah bimbingan beliau, dan inisiatif Pertubuhan *Peeravaik KataikaL* Universiti Malaya pertandingan ini telah menjadi titik tolak dalam perkembangan sejarah cerpen di Malaysia. Walaupun pertandingan ini telah dimulakan pada 1985, judul Antologi Cerpen *Peeravai* 1 (பேரவைக் கதைகள் 1 -*Peeravaik KataikaL 1*) hanya dimulakan pada tahun seterusnya (*Peeravaik KataikaL*, 1986). Sejak 1986, cerpen yang memenangi hadiah dalam pertandingan ini telah dikumpulkan dan dibukukan dengan tajuk *Peeravaik KataikaL*. Sehingga kini sebanyak 27 buah Antologi Cerpen *Peeravaik KataikaL* (ACPK) telah diterbitkan (Sababathy, 2006; Annadurai, 2007).

Permulaan penulisan genre naratif ini lebih menyentuh masalah sosial atau isu seperti, kejahatan penduduk di ladang, sikap autokratik, masalah golongan warga emas, (umumnya pengabaian ibu bapa), kemerosotan ekonomi, penganiyaan dalam hak milik tanah dan rumah, budaya keganasan, sikap mendominasi, keistimewaan ibu, masalah disiplin dalam kalangan pelajar sekolah menengah, pendidikan, pekerjaan sendiri dan juga politik (Annadurai, 2007). Walau bagaimanapun, cerpen yang dihasilkan selepas 1980-an didapati lebih berkualiti dari segi tema dan teknik yang digunakan jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Pada masa ini, cerpen yang membincangkan isu semasa banyak dihasilkan. ACPK ke 21 yang diterbitkan pada tahun 2000-an juga banyak bertematik isu semasa. Sistem pendidikan, demam peperiksaan, pelajar yang

mengabaikan kelas bahasa ibunda, kuil, masalah di sekolah Tamil, nilai mencintai pokok dan tanah, khidmat masyarakat, perhubungan guru dan murid, masyarakat yang mengabaikan bekas penagih dadah, kesan kehilangan orang yang tersayang dan cara mendidik pelajar bermasalah merupakan tema yang sering diutarakan (Annadurai, 2007).

Di Malaysia tiga buah pertubuhan, iaitu Persatuan Penulis-penulis Negeri Kedah, *Pavun Paricu Tiddam* (Hadiah Emas) dan *Tamil Peeravai* menganjurkan pelbagai bentuk pertandingan untuk mengenali cerpenis tempatan. Walau bagaimanapun, pertandingan anjuran *Tamil Peeravai* dianggap yang terulung di antara tiga pertandingan yang dianjurkan ini. Pertandingan ini memberi ruang kepada penulis baru dan lama menguji bakat mereka. Pertandingan ini dijalankan dalam dua kategori, iaitu kategori umum dan kategori pelajar. Tiada had umur ditetapkan untuk kategori umum. Tetapi kategori pelajar dikhaskan untuk penulis yang berusia 16 hingga 25 tahun. Pelajar, maktab perguruan dan universiti dibenarkan mengambil bahagian dalam kategori ini. Pertandingan ini masih diteruskan hingga kini.

Peranan penulis tempatan turut dirujuk dalam meneliti perkembangan cerpen di Malaysia. Penulis seperti Ma. Ramaiah, Sai Peer Mohammad, Ma. Se. Mayadevan, Mu. Anbuchelvan, A. Nagappan, dan Ko. Punniavan adalah antara beberapa penyumbang dalam perkembangan cerpen Tamil Malaysia (Karthigesu, 2009b). Salah seorang daripada mereka, Re. Karthigesu juga telah menceburkan diri dalam bidang penulisan sejak 1952. Sumbangan penulis kreatif ini sangat terkenal di Malaysia sehingga kini.

### **Pernyataan Masalah**

Pengarah Jabatan Pengurusan Bukit Aman, Kamaruddin Md.Ali mengatakan bahawa kejutan budaya ialah salah satu faktor yang menyebabkan masyarakat India banyak terlibat dalam jenayah di seluruh negara sejak 24 tahun lalu (Zaini Hassan, 2005). Jayanath & David Dass (2008), mengatakan bahawa 65.5% daripada belia India di Malaysia terdedah dan terlibat dalam gejala sosial yang semakin meningkat secara drastik, dan memerlukan kajian segera. Menurut mereka, kelunturan nilai sistem sosio budaya dan agama, merupakan salah satu punca kadar jenayah yang tinggi serta gejala kenakalan remaja India Malaysia. Isu ini telah menarik minat dan mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian ini.

Mansor Mohd. Noor (2010), yang menggariskan bahawa setiap manusia yang memiliki identiti etnik mengutamakan elemen penentu dan pemutus batas kumpulan etniknya. Identiti etnik bukanlah ciri asas untuk mengenal identiti individu. Identiti sentiasa dibina oleh tindakan individu semasa mereka mengikatkan diri mereka dengan kelompok, pemahaman dan kategori sosial masyarakat. Kelompok kaum sentiasa berhubung antara satu sama lain dan saling bercampur aduk dengan dimensi sosial yang lain dalam mengejar keuntungan material dan kedudukan sosial dalam masyarakat. Lantaran itu, masyarakat Malaysia sendiri didapati berubah secara relatif

dengan pantasnya bersama pertumbuhan ekonomi dan modenisasi yang berlaku dalam masyarakat.

Paramasivam (2010), yang mengkaji bahasa, budaya dan masyarakat Tamil di Mauritius, mengatakan bahawa bahasa Tamil di Mauritius sedang diambil alih oleh bahasa Creole yang menjadi bahasa perbualan harian generasi muda masyarakat Tamil Mauritius. Namun, agama merupakan aspek kebudayaan yang masih kukuh dalam kehidupan mereka. Walau bagaimanapun, adat istiadat perkahwinan, kelahiran, kematian, serta sambutan perayaan seperti *Deepavali* dan *Pongkal* tetap diamalkan seperti di India. Pendapat ini turut disokong oleh Tiroumalechetty (2014), yang membuat kajian mengenai masyarakat Tamil di Mauritius. Hasil kajian ini jelas menunjukkan bahawa berlaku peralihan bahasa dalam kalangan masyarakat Tamil Mauritius. Namun pendapat beliau bercanggah dengan pendapat Paramasivam (2010), yang mengatakan bahawa amalan adat istiadat budaya Tamil tetap dikekalkan seperti di negara India. Menurut pengkaji ini peralihan bahasa yang berlaku dalam kalangan masyarakat Tamil Mauritius turut membawa kesan atas budaya dan adat istiadat mereka, khususnya daripada aspek pantang larang, *taali*, pakaian dan juga makanan. Pendapat ini, menimbulkan minat penyelidik untuk mengkaji aspek kebudayaan masyarakat Tamil di Malaysia yang juga merupakan golongan penghijrah seperti di Mauritius.

Saravanan (2010), yang menganalisis jati diri masyarakat Tamil Malaysia dalam cerpen bahasa Melayu, menjelaskan perubahan jati diri masyarakat Tamil yang dikenal pasti dalam cerpen bukanlah satu kemalangan sejarah semata-mata atau kejadian semula jadi, tetapi lebih merupakan hasil usaha pergerakan sosial dan politik yang muncul. Maka, hasil sastera yang terdiri daripada cerpen, novel, drama, sajak, teater dan sebagainya memaparkan situasi sebenar kehidupan masyarakat pada sesuatu masa itu. Adakah aspek ini dikesan dalam hasil penulisan cerpen Tamil di Malaysia? Hasil tinjauan kajian lepas menunjukkan bahawa banyak kajian berkaitan cerpen dan novel Tamil tempatan telah dijalankan di Malaysia. Tetapi hanya terdapat sebuah kajian yang telah dijalankan berkaitan Antologi Cerpen Re.Karthigesu (ACRK). Skop kajian tersebut terhad kepada aspek komsas, iaitu tema dan persoalan, watak dan perwatakan, latar dan plot. Ini membuktikan bahawa belum terdapat kajian yang dijalankan berkaitan aspek kebudayaan yang dipaparkan dalam cerpen. Banyak aspek kebudayaan masyarakat Tamil yang dipaparkan dalam ACRK belum dipergunakan sebagai unsur kajian. Justeru, kajian ini hanya terbatas kepada aspek budaya masyarakat Tamil yang dipaparkan dalam ACRK. Penelitian ini menjurus kepada penetapan, objektif pertama, iaitu mengenal pasti aspek kebudayaan masyarakat Tamil di Malaysia yang dipaparkan dalam Antologi Cerpen Re.Karthigesu (ACRK) dari aspek budaya kebendaan dan bukan kebendaan.

Perwatakan, latar dan struktur tema novel Tamil Malaysia menunjukkan bahawa perubahan pemikiran sosial masyarakat India dipengaruhi oleh rangkaian peristiwa yang berlaku di negara Malaysia (Sagar,2009). Bagja Waluya (2007) pula mengatakan bahawa, perubahan sosial sesebuah masyarakat yang berlaku secara sadar atau tidak, berlaku kerana keinginan masyarakat tersebut yang didorong dari luar. Perubahan ini dilakukan sendiri oleh suatu masyarakat seiring dengan peredaran masa untuk mencapai pembangunan sendiri. Perubahan dibuat hasil daripada perubahan

pemikiran, ekoran keselesaan dan kesesuaian peradaban lain yang tidak dapat dielakkan untuk menerima kemajuan dalam kehidupan seseorang atau masyarakat (Rajantharan, 2010). Pernyataan ini menimbulkan persoalan, apakah perubahan dari segi aspek kebudayaan, masyarakat Tamil Malaysia, yang dapat dilihat dalam antologi cerpen yang dihasilkan dan diantologikan sejak 50 tahun yang lalu? Apakah gambaran kebudayaan sebenar masyarakat Tamil asli yang berhijrah ke Tanah Melayu? Persoalan ini mendorong pengkaji untuk menetapkan objektif kedua kajian ini, iaitu menganalisis aspek budaya kebendaan dan bukan kebendaan masyarakat Tamil Malaysia yang dipaparkan dalam ACRK.

Annadurai (2007) mengatakan bahawa, cerpen yang dimuatkan dalam koleksi dan antologi seperti *Peeravaik KataikaL* dapat memberikan gambaran kehidupan sebenar sesebuah masyarakat. Ini dibuktikan melalui pemilihan latar perladangan sebagai tema karya cerpenis tempatan dalam lingkungan tahun 1980-an hingga 2000. Tiroumalechetty (2014), yang mengkaji budaya masyarakat Tamil di Mauritius berpendapat berlaku perubahan dalam budaya dan adat istiadat mereka. Kenyataan pengkaji lampau ini menimbulkan persoalan-persoalan seperti adakah hasil penulisan karya sastera dapat memberikan gambaran sebenar sesebuah masyarakat pada sesuatu masa tertentu? Adakah terdapat perubahan dalam kebudayaan masyarakat Tamil Malaysia dalam lima dekad kebelakangan ini dan apakah setiap perubahan yang berlaku dalam masyarakat Tamil di negara Malaysia adalah ekoran atau akibat berlakunya sesuatu peristiwa? Kemusykilan ini membuka ruang kepada penetapan objektif ketiga, iaitu untuk menjelaskan perubahan amalan budaya masyarakat Tamil yang dipaparkan dalam ACRK dari 1970-an sehingga kini berpandukan pada tafsiran autoriti dan tafsiran harian.

Walaupun banyak kajian berkaitan cerpen dan antologi cerpen telah dijalankan oleh pengkaji sastera yang lepas, kajian ini akan dapat memaparkan perubahan yang berlaku dalam kebudayaan masyarakat Tamil Malaysia dari 1970-an sehingga 2011. Kajian ini juga akan dapat memberikan satu gambaran jelas situasi sebenar masyarakat Tamil di Malaysia di samping menambahkan bilangan kajian ACRK yang begitu terhad.

### **Persoalan Kajian**

Persoalan kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Apakah aspek kebudayaan budaya kebendaan dan bukan kebendaan masyarakat Tamil Malaysia yang dipaparkan dalam ACRK?
2. Apakah aspek kebudayaan masyarakat Tamil Malaysia dipaparkan dalam ACRK?
3. Bagaimanakah amalan budaya masyarakat Tamil Malaysia dalam ACRK berbeza daripada tafsiran autoriti dan tafsiran harian?

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti aspek kebudayaan masyarakat Tamil Malaysia yang dipaparkan dalam ACRK dari aspek budaya kebendaan dan bukan kebendaan.
2. Menganalisis aspek kebudayaan masyarakat Tamil Malaysia dalam ACRK.



3. Menjelaskan perubahan amalan budaya masyarakat Tamil Malaysia dalam ACRK dengan menggunakan tafsiran autoriti dan tafsiran harian.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini dapat menjadi satu acuan kepada pelbagai pihak yang mendalami dunia kebudayaan untuk menelaah lebih mendalam norma budaya masyarakat Tamil Malaysia. Tinjauan kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat pelbagai kajian akademik berkaitan budaya masyarakat Tamil Malaysia. Namun, kajian ini boleh memberikan ilmu tambahan kerana dapat melibatkan penggunaan pendekatan analisis Tafsiran Autoriti dan Tafsiran Harian yang masih baru dalam bidang kajian ini.

Hasil kajian ini juga sudah tentu mendedahkan unsur budaya masyarakat Tamil Malaysia kepada individu dalam masyarakat Tamil sendiri, terutamanya kepada generasi muda untuk mengetahui lebih mendalam mengenai unsur asli kebudayaan Tamil. Selain itu, kajian ini juga akan menjadi panduan dan sumber rujukan kepada pengkaji lain memahami dan mengetahui unsur budaya masyarakat Tamil dengan lebih rinci. Justeru, akan mencetuskan idea untuk mendalami aspek ini daripada sudut lain. Selain itu, hasil kajian ini dapat memberikan input yang berguna kepada golongan penulis kreatif, terutamanya dalam menghasilkan karya yang bertepatan dengan peranan kesusasteraan dan bersesuaian dengan masalah sosial semasa di Malaysia.

Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai bahan rujukan tentang kebudayaan masyarakat Tamil oleh sesiapa yang mempunyai hubungan dengan aspek kebudayaan masyarakat Tamil dan individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan bidang penulisan. Selain itu, kajian ini juga dapat menyebarkan maklumat dan memupuk unsur kebudayaan yang berguna. Secara tidak langsung hal ini dapat membantu lapisan masyarakat lain memahami dan menghormati budaya masyarakat Tamil lalu mewujudkan perpaduan.

Akhirnya, hasil kajian ini memberikan satu gambaran tentang perubahan yang berlaku dalam budaya masyarakat Tamil di Malaysia dan dapat digunakan sebagai sumber dan panduan oleh pemimpin negara, agama dan masyarakat. Kajian ini juga akan membantu pemimpin untuk mengambil langkah yang sewajarnya demi memperbaiki kekurangan atau mengawal dan mengubati masalah sosial sebelum menjadi lebih serius. Justeru, masyarakat Tamil khasnya dapat menjaga dan mengekalkan keaslian budaya mereka.

### **Batasan Kajian**

Batasan kajian menjelaskan had sesuatu kajian dijalankan. Batasan kajian ini difokuskan pada cerpen yang dipilih dan aspek budaya yang diteliti. Kajian paparan kebudayaan masyarakat Tamil Malaysia dalam ACRK ini hanya meneliti aspek budaya kebendaan dan bukan kebendaan masyarakat Tamil Malaysia yang dipaparkan dalam

ACRCK. Penelitian terhadap aspek kebudayaan dikendalikan berasaskan empat komponen utama yang dibahagikan kepada sistem normatif, sistem kepercayaan, budaya ekspresif dan budaya kebendaan. Sistem normatif meliputi semua peraturan yang menentukan pola perilaku seseorang ataupun masyarakat. Sistem kepercayaan merangkumi nilai abstrak dan pelbagai kepercayaan yang mengkonsepsikan masyarakat. Budaya ekspresif pula meliputi pelbagai bidang kesenian serta lambang yang memberikan makna terhadap kehidupan. Budaya kebendaan merujuk pada pengetahuan tentang penghasilan, pengendalian serta penggunaan bahan artifak atau peralatan yang digunakan oleh masyarakat dalam kehidupan seharian masyarakat tertentu (Rajantharan, 1994). Mengikut pendapat ahli antropologi Edward Burnett Tylor (1832-1917), budaya membawa erti yang luas, iaitu bentuk kompleks yang merangkumi pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat, dan mana-mana keupayaan dan tabiat yang diperoleh oleh manusia sebagai ahli masyarakat (Hall, 1997). Namun, kajian ini hanya akan menganalisis dua belas elemen kebudayaan yang terdiri daripada institusi keluarga, agama, adat resam, amalan, kepercayaan kepada tuhan, seni muzik, bahasa, personaliti dan status wanita, nama, pakaian, barangan kemas, dan makanan.

Cerpen bahasa Tamil dipilih sebagai bahan kajian ini supaya bersesuaian dengan objektif kajian untuk menggambarkan perubahan budaya masyarakat Tamil Malaysia. Antologi cerpen penulis veteran Re.Karthigesu dipilih sebagai bahan utama kajian ini memandangkan pengalaman, kewibawaan dan kemashyuran beliau dalam bidang penulisan cerpen dan novel sejak berusia 15 tahun. Beliau merupakan penulis unggul Malaysia yang telah menghasilkan banyak cerpen dan novel. Hasil penulisan cerpen beliau dalam tempoh 37 tahun ini merangkumi setiap dekad dari tahun 70an hingga 2011. Antara tahun 1974 hingga 2011, beliau telah menghasilkan lima buah antologi cerpen yang mengandungi 69 buah cerpen. Empat buah cerpen iaitu *Etirkaalam Endru Ondru* (2005), *Oru kathaiyin Story* (2005), *Sooriyanaik KonRuviddaargal* (2002) dan *Puzhu ThuLaigal* (20..) dikecualikan daripada kajian memandangkan cerpen ini berkaitan dengan kajian sains, pengalaman di luar negara, berunsur khayalan dan juga pengalaman di angkasa lepas. Oleh itu, kajian ini hanya menganalisis 65 cerpen daripada antologi tersebut. Bilangan cerpen ini, akan dapat memberikan gambaran jelas mengenai perubahan kebudayaan masyarakat Tamil yang dikaji. Maka amat sesuai ACRK dipilih dan digunakan sebagai bahan utama kajian ini.

Seterusnya, kajian ini hanya menganalisis unsur kebudayaan masyarakat Tamil di Malaysia. Semasa penjajahan British, masyarakat India yang dibawa ke Tanah Melayu terdiri daripada kaum Tamil, Telugu, Malayalee, Punjabi, Sikh, Benggali, Gujerat dan Sinthi (Janakey Raman, 2006). Maka konteks masyarakat Tamil Malaysia dalam kajian ini hanya dirujuk kepada masyarakat berketurunan India yang menjadi warganegara Malaysia dan menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa ibunda mereka.

Kajian ini hanya menganalisis perubahan dalam nilai, norma, dan aspek kebudayaan berpandukan pada pendekatan tafsiran autoriti. Maka kajian ini terbatas untuk menjelaskan perubahan tatatertib dan norma yang diperlihatkan dalam amalan harian masyarakat Tamil dalam ACRK berbanding dengan tafsiran autoriti. Unsur-unsur lain seperti tema, perwatakan, latar, plot, persepsi dan pemikiran masyarakat dan penulis, dan unsur pengajaran tidak dikaji dalam kajian ini.

## **Definisi Operasional**

Sebelum melanjutkan perbincangan, adalah lebih baik jika menelusuri definisi operasional beberapa istilah, demi memudahkan pemahaman kajian ini.

### **Kebudayaan**

Budaya secara meluas adalah proses kehidupan harian manusia dalam skala umum, mulai daripada tindakan hingga cara berfikir (Kluckhohn, 1952). Pengertian ini disokong juga oleh Clifford (1966) yang menakrifkan kebudayaan sebagai siri peraturan, resipi, rencana dan petunjuk yang digunakan oleh manusia untuk mengatur tingkah lakunya. Julian (1972) juga menyokong pernyataan ini, dengan mengatakan bahawa kebudayaan merupakan tingkah laku yang dikongsi bersama semua ahli masyarakat. Menurut Vaitiyalingam (1996) dan Dhashnamurthy (1999), pula budaya dibahagikan kepada budaya dalaman dan budaya luaran. Daripada kesemua huraian ini kebudayaan dapat dirumuskan sebagai cara hidup yang berpandukan satu set susunan minat, adat yang diterima semua ahli dalam satu kumpulan dan yang diikuti untuk jangka masa yang lama. Kebudayaan ini terdiri daripada budaya luaran dan dalaman yang merangkumi sistem agama dan politik, struktur keluarga, struktur institusi, adat istiadat, kepercayaan, sifat nilai murni, bahasa, perkakas, pakaian, makanan, bangunan, kediaman, peralatan muzik dan karya seni.

### **Masyarakat Tamil Malaysia**

Masyarakat India di Malaysia terdiri daripada beberapa kumpulan etnik yang berlainan. Nenek moyang masyarakat India Malaysia berasal dari India. Populasi masyarakat India di Malaysia dapat diidentifikasi berdasarkan dua kategori yang luas, iaitu masyarakat India Utara dan India Selatan. Kumpulan subetnik India Selatan tergolong dalam rumpun bangsa Dravida yang terdiri daripada masyarakat Tamil, Telugu dan Malayalam. Manakala orang Punjabi, Gujerati, Sinthi, Benggoli adalah tergolong dalam masyarakat India Utara (Sillalee, 2011; Rajantheran & Manimaran, 2012). Ini menjelaskan, masyarakat minoriti India di Malaysia dibahagikan kepada kumpulan subetnik berdasarkan bahasa ibunda mereka, seperti Tamil, Telugu, Malayalam, Punjabi, Hindi dan juga Gujerat (Supramani, 2010). Dalam pada ini, masyarakat Tamil menjadi kumpulan subetnik yang paling besar di Malaysia. Mereka membentuk lebih kurang 80% daripada keseluruhan masyarakat India di Malaysia (Sillalee, 2011; Rajantheran & Manimaran, 2012). Justeru, istilah masyarakat Tamil Malaysia dalam kajian ini merujuk kepada masyarakat berketurunan India Selatan yang menjadi warganegara Malaysia dan menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa ibunda mereka.

## BIBLIOGRAFI

- Aachaarya, P. S. (2006). *Thirukkural 1330 muula padalgalum thelivaana vilakka uraiyum*. Chennai: Narmatha Pathippagam
- Aasiriyar Kuzhu. (1991). *Vaazhviyal kalanjiyam* (Vol. 8). Tanjavor: Tamil Palkalaikazhakam.
- Abraham Pandithar. (2014). *Karunamirtha saagara thirattu 1*. Chennai: Tamilmann Pathipagam.
- Agus Santosa. (2009). *Perubahan sosial, modernisasi dan pembangunan: Sosiologi serta pembelajarannya*. Yogyakarta: Padmanaba.
- Aihong, R. (2012). Women Characters in Katherine Mansfield's short stories. *Studies in Literature and Language*, 5(3), 101-107. doi:10.3968/j.sll.1923156320120503.1678
- Alo Liliweri, M. S. (2002). *Makna budaya dalam komunikasi antarbudaya*. Yogyakarta: LkiS
- Anandai, S. (2010). *Institusi perkahwinan, keluarga dan pendidikan dalam masyarakat tamil: Satu pembicaraan berdasarkan perspektif pepatah tamil (Unpublished master's thesis)* Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Anbalakan.(2008). *Identiti India di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbitan Sains Malaysia.
- Ang, L. H., & Shik P. Y. (2012). Cerminan identiti anak kacukan Cina dan India dalam penggunaan bahasa. In *Roslina Mamat, Syed Nurulakla Syed Abdullah, & Lim C. B. (Eds.), Bahasa & pembinaan identiti*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Annadurai, M. (2007). *Cerpen-cerpen peravai kathaikal (1986-2000). Satu kajian tema*. (Unpublished master's thesis). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Anwar, W.A., Kyatti, M., & Hemminki, K. (2014). Overview on health research ethics in Egypt and North Africa. *European Journal of Public Health*, 24(1), 87-92.
- Arasaratnam. (1966). *Indian festivals in Malaya*. Kuala Lumpur: University Malaya.
- Arasaratnam. (1968). *Indians in Malaysia and Singapore*. London: Oxford University Press
- Aravaanan, K. P. (1997). Panbattin mel nigalntha padaiyeduppugal. In Kaliaperumal, K. (Ed.), *Ulaga Tamizhar Panpattu Kalanjiyam* (pp. 150-166). Ipoh: Vallalar Anbu Nilayam

- Aravaanan. (1997). Naattupura paadalgal kaattum panbaadu. In Kaliaperumal, K. (Ed.), *Ulaga Tamizhar Panpattu Kalanjiyam* (pp. 315- 323). Ipoh: Vallalar Anbu Nilayam.
